

Kes pedofilia bertambah

HARTIAN METRO (02/02/2021) M505

Polis rekod 2,436 kes jenayah babit pemangsa kanak-kanak sejak 3 tahun lalu

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Waspada keselamatan anak-anak! Ini berikutan golongan penjenayah pedofilia yang kemaruk melakukan gangguan seksual terhadap kanak-kanak didapati semakin bertambah setiap tahun di negara ini.

Ini terbukti apabila Polis Bukit Aman merekodkan 2,436 kes jenayah fizikal dan bukan fizikal dilakukan golongan ini terhadap kanak-kanak sejak tiga tahun lalu.

Lebih membimbangkan apabila kes jenayah seksual ini didapati meningkat

Golongan pedofilia tiada istilah khusus dalam undang-undang Malaysia, tetapi ia istilah klinikal yang merujuk kepada orang dewasa yang mempunyai kecenderungan seksual terhadap kanak-kanak berusia 13 tahun ke bawah

dak kira kanak-kanak lelaki atau perempuan yang masih kecil.

“Di Malaysia kita tidak panggil mereka pedofilia, tetapi pesalah seksual terhadap kanak-kanak. Mereka ini mengambil kesempatan dengan mengeksploitasi kanak-kanak atau menggunakan kuasa yang ada seperti bapa yang melakukan

pada 2019 dan 2020.

Kes pengantunan kanak-kanak membawa maksud individu dewasa yang berkomunikasi bersama kanak-kanak dengan niat untuk melakukan atau memudahkan pelakuan seksual yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan sebatan.

“Sementara itu bagi kes berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak menunjukkan kenaikan tujuh kes 2020 berbanding tiga kes (2019) dan satu kes (2018).

“Ada juga kes yang kita siasat membabitkan tangkapan kes pornografi kanak-kanak. Mereka ini me-

ngaku ada kecenderungan kepada kanak-kanak. Lebih membimbangkan 70 peratus kes pesalah seksual di negara ini melakukannya terhadap mangsa dalam kalangan kanak-kanak,” katanya.

Menurutnya, polis melakukan 25 tangkapan membabitkan pornografi kanak-kanak sepanjang tahun lalu berbanding enam kes (2019) dan lima kes (2018).

Siti Kamsiah berkata, kes dilaporkan membabitkan pornografi kanak-kanak turut meningkat secara mendadak tahun lalu kepada 41 kes berbanding enam kes (2019) dan tujuh kes (2018).

Beliau berkata, golongan pedofilia ini dianggap tidak normal dari segi psikologi

kerana kecenderungan seksual mereka kepada kanak-kanak.

“Kita banyak menerima perkongsian maklumat dari luar negara di mana di negara ini juga sudah ada golongan ini malah ia semakin meningkat dari tahun ke tahun.

“Ia kemungkinan seiring dengan kepesatan teknologi maklumat malah melalui siasatan mereka bukan sekali melayari laman pornografi kanak-kanak, tetapi berkali-kali,” katanya.

Menurutnya, kebanyakan mangsa kanak-kanak yang menjadi sasaran golongan pedofilia ini adalah berusia seawal tiga tahun hingga 13 tahun.

KRONOLOGI PEDOFIL

■ 1 FEBRUARI 2021

Seorang pengawal keselamatan warga asing diberkas polis, selepas disyaki mencabul seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun di rumah kongsi dekat Sugut, Beluran, Sabah.

■ 19 JANUARI 2021

Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua anak perempuannya di Sitiawan tahun lalu.

■ 30 DISEMBER 2020

Seorang bapa didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua anak kandungannya.

■ 24 DISEMBER 2020

Seorang pengetua madrasah yang dikenali sebagai 'Ustaz Budak' ditahan semula, susulan polis menerima dua laporan berkaitan kes cabul yang dilakukan terhadap dua bekas pelajar lelakinya pada 2018.

ini didapati meningkat mendadak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Covid-19 membabitkan 1,065 kes direkodkan sepanjang tahun lalu.

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Bukit Aman Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius isu kewujudan golongan pedofilia di negara ini berdasar perkongsian maklumat dari luar negara dan kes dilaporkan serta tangkapan yang semakin meningkat.

Menurutnya, golongan pedofilia ini sebenarnya tiada istilah khusus dalam undang-undang di negara ini, tetapi ia istilah klinikal yang merujuk kepada seseorang lelaki atau perempuan dewasa yang mempunyai kecenderungan seksual terhadap kanak-kanak berusia 13 tahun ke bawah.

Menurutnya, kecenderungan seksual kepada kanak-kanak ini menunjukkan mereka mengalami gangguan psikiatri di mana mereka mempunyai minat ti-

perti bapa yang melakukan perbuatan itu kepada anaknya.

“Berdasarkan statistik, kes gangguan seksual fizikal (amang seksual fizikal) pada kanak-kanak sepanjang tahun lalu (2020) adalah sebanyak 993 kes iaitu meningkat berbanding 732 kes pada 2019 dan 591 kes (2018).

“Manakala kes gangguan seksual bukan fizikal (amang seksual bukan fizikal) meningkat kepada 51 kes tahun lalu (2020) berbanding 13 kes pada 2019 dan 18 kes pada 2018,” katanya.

Sementara itu menurutnya, kes pengantunan kanak-kanak (Seksyen 12) pula meningkat kepada 13 kes sepanjang tahun lalu iaitu meningkat berbanding sembilan kes (2019) dan tiga kes (2018).

“Manakala berjumpa selepas pengantunan (Seksyen 13) hanya merekodkan satu kes masing-masing



KEBANYAKAN mangsa kanak-kanak yang menjadi sasaran golongan pedofilia ini adalah berusia seawal tiga tahun hingga 13 tahun.

“
Di Malaysia kita tidak panggil mereka pedofilia tetapi pesalah seksual terhadap kanak-kanak
Siti Kamsiah



lelaki pada 2018.

■ **21 NOVEMBER 2020**
Perbuatan terkutuk seorang lelaki melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun di rumahnya di **Desa Mentari**, di sini, mengundang padah apabila ditahan polis.

■ **6 OKTOBER 2020**
Seorang pemandu lori mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen **Kuala Terengganu** atas pertuduhan merogol, seks luar tabii dan menghasilkan video pornografi anak kandungnya yang juga pemegang kad **orang kurang upaya (OKU)** kategori masalah pembelajaran.

■ **15 JULAI 2018**
Lelaki warga **Bangladesh** direman tujuh hari bagi membantu siasatan selepas dipercayai mencabul kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun di **Kampung Bukit Darat, Tanjung Kling, Melaka**.

■ **8 JULAI 2018**
Lelaki dipercayai memperdaya kanak-kanak perempuan sembilan tahun dengan mengajaknya solat sebelum bertindak mencabulnya dalam surau di **Taman Seri Tanjung, Tanjung Kling, Melaka**.